



**TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
PADA
PROGRAM MELAKA BERSELAHWAT SEMPENA SAMBUTAN
MAULIDUR RASUL SAW DAN MAJLIS BACAAN YASIN
TAHUN 1443H/2021M**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2021 (JUMAAT) , MASA: 6.30 PETANG
DI SERI BENDAHARA, SERI NEGERI,
AYER KEROH MELAKA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum warahmatullahi wabaraktuh dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

Didahului dengan lafaz seafdal-afdal Selawat,

Allahumma Solli A'la Saidina Muhammad Wa A'la Ali Saidina Muhammad, Kama Sol-laita A'la Saidina Ibrahim, Wa A'la A-li Saidina Ibrahim, Wa Barik A'la Saidina Muhammad Wa A'la A-li Saidina Muhammad, Kama Barakta A'la Saidina Ibrahim Wa A'la A'li Saidina Ibrahim, Fil A'lamin Inna Hamidum Majid.

Terima kasih saudara pengacara majlis;

TUAN-TUAN, PUAN-PUAN, PARA GURU DAN SETERUSNYA PARA PENCINTA AL-QURAN MUSLIMIN DAN MUSLIMAT YANG DIHORMATI ALLAH SWT SEKALIAN.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada petang ini bagi program Melaka Berselawat sempena Sambutan Maulidur Rasul dan Majlis Bacaan Yasin bagi tahun 1443 Hijriyyah / 2021 Masihi.
2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada penganjur kerana dapat mengelolakan majlis ini. Selain itu, setinggi-tinggi terima kasih juga kepada tuan-tuan dan puan-puan kerana turut hadir mengimarahkan majlis pada petang ini. Sesungguhnya kehadiran kita semua amat bererti dalam menyemarakkan rasa

cinta dan kasih kepada junjungan mulia Rasulullah SAW.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah sekalian,

3. Sebagaimana kita sedia maklum, tema sambutan Maulidur Rasul pada tahun ini ialah **“*Manhaj Rabbani Ummah Berkualiti*”**. Dasar yang diguna pakai ini bersifat jelas kerana dilihat dekat dengan konsep masyarakat kita pada hari ini. Dasar Manhaj Rabbani ini juga penting dalam memacu pentadbiran Islam di Malaysia agar bersifat komprehensif, praktikal dan mudah difahami oleh semua lapisan masyarakat termasuk bukan Muslim.

4. Berbalik kepada tema sambutan Maulidur Rasul ini tadi, saya difahamkan, **ummah berkualiti** yang di maksudkan di sini ialah **pertamanya, ummah yang meletakkan ciri Rabbani sebagai keutamaan dalam cara hidup; dan keduanya, ummah yang menjadikan al-Quran dan as-Sunah sebagai rujukan utama dalam kehidupan.**

5. Sebagai umat Islam, kita seharusnya menjadikan Rasulullah SAW sebagai **“qudwah hasanah”** iaitu sebagai suri tauladan dalam menjalani kehidupan seharian kita. Justeru, saya menyeru kepada semua untuk sama-sama mengamalkan dan menghidupkan Sunah Baginda SAW. Semaikanlah rasa cinta dan

sayang kita dengan memperbanyak amalan Sunahnya, lebih-lebih lagi berselawat ke atas Baginda SAW.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah sekalian,

6. Negara yang sejahtera dibentuk komitmen semua pihak di samping mengekalkan semangat perpaduan dan kesefahaman antara satu sama lain. Sikap keterbukaan untuk menerima kepelbagaian haruslah diusahakan agar umat Islam dapat membentuk satu umat yang benar-benar bersaudara dengan penuh kasih sayang. Mudah-mudahan dengan cara itu, kita

menjadi umat terbaik dan mendapat keampunan Allah SWT.

7. Di samping itu, kita bertanggungjawab dalam membina imej Islam yang lebih harmoni tanpa menggadaikan prinsip-prinsip asas misalnya, **tugas dakwah dan tanggungjawab amar maaruf nahi munkar perlu digerakkan atas asas *dakwah bil hikmah, mau'izah hasanah* dan perdebatan yang sihat.**

8. Setiap daripada kita mempunyai tanggungjawab untuk dilaksanakan. Antara tanggungjawab tersebut ialah membangunkan umat Islam untuk maju dan berjaya. Kunci utamanya ialah dengan melaksanakan kehidupan menurut al-Quran dan al-Sunah seperti mana yang telah dipimpin oleh Rasulullah SAW. Ingatlah pesanan Baginda kepada kita melalui hadis riwayat Imam Malik,

Mafhumnya: “Aku telah meninggalkan pada kamu sekalian dua perkara yang kamu tidak akan sesat selagi mana kamu berpegang teguh kepada keduanya, iaitu: kitab Allah (al-Quran) dan Sunnah nabi-Nya”

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah sekalian,

9. Jika kita membuka kembali lembaran sejarah Rasulullah SAW ketika Baginda berjaya membentuk Kota Madinah, peristiwa tersebut membuktikan Islam telah diterima baik oleh masyarakat bukan Islam pada ketika itu. Perlembagaan Madinah merupakan manifestasi pembentukan negara berasaskan kebajikan, toleransi, demokrasi, bercirikan pembangunan sosial, ekonomi, perhubungan antara agama dan antarabangsa yang amat unik.

10. Kejayaan ini seterusnya mendaulatkan negara Islam dan memaparkan ciri-ciri pemimpin yang unggul serta mendapat keredaan Allah SWT. Justeru itu, sebagai sebuah negara yang mempunyai pelbagai kaum dan etnik, kita seharusnya mengambil iktibar dan pengajaran supaya semua pendekatan atau inisiatif yang diambil oleh Baginda SAW dipraktikkan di negara kita khususnya di negeri Melaka.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah sekalian,

11. Semoga dengan penganjuran majlis ini, kita akan memperoleh ganjaran, rahmat, keberkatan dan keredaan yang tidak terhingga daripada Allah SWT kelak, Insha-Allah. Marilah kita bersama-sama meraikan kelahiran Baginda Nabi SAW dan berdoa agar diberi syafaat oleh Baginda Nabi SAW pada hari kiamat kelak, Insha-Allah.

12. Akhir kata, saya doakan majlis kita pada hari ini dirahmati Allah SWT dan perpisahan kita selepas ini dilindungi-Nya dan kita semua tergolong dalam kalangan mereka yang beriman.

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

